

Tunggu tafsiran Peguam Negara: PM

Oleh **BADRULHISHAM
OTHMAN**

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan meminta penjelasan Peguam Negara sama ada semua tahanan mengikut Seksyen 6 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, yang ditahan selama dua tahun, perlu dibebaskan ekoran keputusan Mahkamah Agung membebaskan beberapa tahanan kes itu baru-baru ini.

Perdana Menteri berkata, tahanan lain akan dibebaskan sekiranya Peguam Negara menafsirkan bahawa keputusan itu bermakna tahanan lain juga perlu dibebaskan.

"Jika beliau tafsirkan bahawa ini bermakna kita mesti bebaskan mereka, kita akan bebaskan," kata beliau yang juga Menteri Dalam Negeri kepada pemberita selepas menghadiri jamuan tengah hari bersama skuad badminton Piala Thomas negara yang akan bertanding di

BH 17/5/90
Jepun mulai 25 Mei ini, di sini hari ini.

Pada 3 Mei lalu, Mahkamah Agung di sini membenarkan rayuan 11 tahanan dadah di Pulau Jerejak dan Pusat Pemulihan Muar setelah memutuskan bahawa Menteri Dalam Negeri tidak mempunyai kuasa mengeluarkan perintah penahanan yang baru, mengikut pindaan seksyen itu, bagi kes-kes sebelum pindaan itu berkuatkuasa pada 3 April lalu.

Pindaan itu mewujudkan Seksyen 6A (2) yang menyebut sebarang perintah baru tahanan atau perintah buang daerah, yang merujuk kepada Seksyen 11B (2), tidak boleh dianggap tidak sah atau tidak sempurna, hanya disebabkan tiada laporan baru dibuat mengikut Seksyen 3 (3) dan Seksyen 5 (4) atau ia dibuat berdasarkan alasan yang sama seperti dalam perintah sebelumnya.

Berikutan itu, Mahkamah Agung pada 3 Mei lalu membenarkan rayuan 11 tahanan Pusat Pemulihan Akhlak mengikut Seksyen 6 (1) Akta Dadah

Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985, sebelum pindaan mengenai perkara itu dikuatkuasakan pada 3 April.

Hakim Besar Malaya, Tan Sri Hashim Yeop Sani, ketika membacakan keputusan mahkamah berkata, menteri tidak mempunyai kuasa mengeluarkan perintah baru Seksyen Kecil (1) Seksyen 6 akta itu dengan hanya bergantung kepada peruntukan Seksyen 11B akta berkenaan.

Seksyen 6 membenarkan Menteri Dalam Negeri mengarahkan supaya seseorang yang telah atau ada hubungan dengan kegiatan yang berkaitan dengan dadah, ditahan selama dua tahun manakala Seksyen 11B, antara lain menyebut bahawa Menteri boleh membatalkan apa-apa perintah penahanan yang dibuat.

Tan Sri Abu Talib sebelum ini dilaporkan berkata beliau akan mengkaji terlebih dahulu keputusan Mahkamah Agung itu sebelum tahanan lain boleh dibebaskan.